# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# JUMAAT 24 NOVEMBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4. | REZEKI LUMAYAN GOLEDEN MELON, NEGARA, KOSMO -18<br>REZEKI UBI KAYU MUSIM TENGKUJUH, NEGERI KELANTAN, SH -28<br>CUACA BURUK, NELAYAN 'BEREHAT', DALAM NEGERI, UM -8<br>JUALAN EHSAN RAHMAH TIADA ISU KRONISME, LOKAL, HM -16 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/11/2023 | KOSMO | NEGARA | 18 |


MUHAMMAD SHAFIQ menunjukkan golden melon yang diusahakan ketika ditemui di Bandar Penawar, Kota Tinggi baru-baru ini.

# Rezeki lumayan golden melon

**KOTA TINGGI** – Ilmu menanam pokok golden melon secara fertigasi yang dipelajari di internet ternyata berbaloi apabila ia mampu memberi pulangan lumayan sehingga RM40,000 kepada seorang pemuda di Bandar Penawar di sini.

Muhamad Shafiq Md. Gharip, 32, berkata, dia telah menanam 2,000 pokok di Agro Kejora yang mengeluarkan hasil antara 65 hingga 70 hari selepas ditanam.

Katanya, dia hanya mengeluarkan modal RM17,000 manakala ilmu dipelajari melalui rakan selain sumber internet.

"Sebelum ini saya tanam pokok pisang tetapi agak ambil masa untuk keluarkan hasil. Tetapi kali ini ia berbeza apabila golden melon ini berbaloi dan hasilnya cepat.

"Kaedah fertigasi lebih bersih, namun penjagaannya sangat mencabar kerana perlu lebih perhatian untuk memantau air, baja dan sebagainya," katanya ketika ditemui.

Menurut Muhamad Shafiq, dia bercadang untuk menanam pokok anggur pula.

"Saya akan buka jualan ladang di mana pembeli boleh pilih dan petik sendiri golden melon bermula 1 Disember ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/11/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI KELANTAN | 28 |

# Rezeki ubi kayu musim tengkujuh

Pemuda raih jualan lumayan jual satu tan ubi kayu sehari

PASIR PUTEH

Seorang pemuda tidak menyangka usahanya menanam ubi kayu di tanah seluas lapan hektar sejak tahun lalu memberi pulangan lumayan apabila berjaya menjual kira-kira satu tan sehari.

Menurut Mohd Hazim Zulkifli, 26, tanaman itu diusahakan bersama rakannya, Azizan Muhammad, 36, di Kampung Kemudu Bongkok, Bachok dan menjualnya di Kampung Gaal sejak tiga hari lalu.

"Kami sepakat mengusahakan tanaman ubi kayu memandangkan ia mendapat sambutan setiap kali musim tengkujuh.

"Kami tidak menyangka jualan kami laris sejak hari pertama beroperasi dengan jualan 500 kilogram (kg), meningkat 850kg pada keesokan hari dan seterusnya mencecah satu tan sehari," katanya kepada *Bernama*, di sini, pada Khamis.

Mohd Hazim berkata, kedudukan gerai jualannya di tepi jalan utama yang juga berdekatan sempadan Jertih, Terengganu memberi kelebihan apabila orang ramai singgah mendapatkan ubi kayu dijualnya pada harga RM2.50 sekilogram.

BEREH BOH!

"Saya mungkin mendapatkan bekalan ubi kayu daripada penanam lain jika bekalan sedia ada tidak dapat menampung permintaan pelanggan sepanjang musim tengkujuh ini," katanya.

Katanya, bagi melengkapkan menu ubi rebus, dia turut menjual kelapa muda kepada pelanggan selain produk kerepek pelbagai perisa yang diusahakannya sejak tiga tahun lalu.

Memandangkan jualan yang agak laris, Mohd Hazim turut mengambil seorang pekerja selain dibantu isterinya, Nabila Abdullah, 26, yang berhenti kerja sebagai kerani pemasaran untuk membantunya menguruskan jualan.



Mohd Hazim menunjukkan ubi kayu yang dijual di gerainya di Kampung Gaal, Pasir Puteh.

Menurutnya, memandangkan jualan ubi kayu mentah mendapat sambutan sangat memberangsangkan, dia akan meneruskan usaha menanam tanaman itu sebaik sahaja musim tengkujuh ini berakhir sebagai persediaan jualan tahun hadapan.

"Bagi saya, tanaman ubi kayu mentah mempunyai potensi pasaran baik sama ada ketika musim tengkujuh atau dijadikan kerepek untuk dijual sepanjang tahun," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/11/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 8 |

# Cuaca buruk, nelayan 'berehat'

**KUALA TERENGGANU:** Hampir semua nelayan bot kelas A di daerah ini terpaksa 'berehat' seketika daripada turun ke laut ekoran keadaan cuaca buruk sejak pertengahan bulan ini.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Terengganu Selatan, Rohaizard Arifin berkata, kebanyakan nelayan tidak turun ke laut kerana hujan lebat berterusan dan ramalan cuaca angin kencang dan laut bergelora untuk menjamin keselamatan.

Bagaimanapun, menurutnya, sebilangan kecil daripada lebih 1,000 ahli persatuan itu masih menangkap ikan buat masa ini.

"Bagi pengusaha bot kecil atau lesen A, mereka sudah keluar mencari rezeki sejak pertengahan bulan ini susulan peralihan monsun timur laut (MTL) dan akan turun semula Mac tahun depan.

"Daripada maklum balas juga menunjukkan nelayan kelas B, C dan C2 iaitu bot laut dalam juga ramai memilih untuk berehat," katanya ketika dihubungi semalam.

Kata Rohaizard, pada masa ini, nelayan yang masih turun ke laut adalah pengusaha bot kelas C dan C2 yang menggunakan pekerja asing dan berada di tengah laut selama empat atau lima hari.

"Jumlah tangkapan ikan juga sedikit terjejas apabila kebanyakan nelayan tidak menangkap ikan pada musim ombak bergelora ini," ujarnya.

Seorang nelayan kelas C, Ahmad Zaki Hitam berkata, pendapatannya menurun lebih 50 peratus gara-gara hasil tangkapan kurang memuaskan ketika musim monsun timur laut.

Beliau yang juga tekong bot dari Seberang Takir, Kuala Nerus berkata, dia mahu menunggu sehingga cuaca beransur pulih sebelum kembali menangkap ikan di tengah laut.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 24/11/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 16 |



IZHAM (berdiri) ketika menjawab soalan pada Sidang Dewan Undangan Negeri Selangor di Dewan Undangan Negeri Selangor, Shah Alam. - Gambar NSTP/ FAIZ ANUAR

DUN SELANGOR

# Jualan Ehsan Rahmah tiada isu kronisme

**Shah Alam:** Kerajaan negeri memaklumkan tiada isu kronisme dalam pelaksanaan Jualan Ehsan Rahmah (JER) yang dijalankan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

***Exco Infrastruktur dan Pertanian Izham Hashim*** berkata, rakyat ingin membeli barangan jualan JER bagaimanapun dikenakan syarat iaitu membawa kad pengenalan dan perlu datang awal bagi mengelak kehabisan barang berikutan stok terhad.

"Tidak pernah kita berikan keutamaan pada pihak tertentu (untuk pembelian barangan JER). Kita mulakan dengan telur ayam yang ketika itu mengalami kekurangan dan selepas itu kita tambah ayam dan minyak masak. Tiada niat lain selain untuk membantu rakyat pasca Covid-19.

"Kita memang syaratkan yang mana tiada kad pengenalan memang tak boleh (membeli) dan pembeli kena datang awal kerana kita hadkan pembelian untuk memastikan ramai yang dapat," katanya ketika menjawab soalan tambahan ***Mohd Zamri Mohd Zainuldin (PN-Sungai Burong)*** yang bertanya jika wujud isu kronisme dalam pelaksanaan JER di Dewan Undangan Negeri (Dun) Selangor di sini, semalam.

Kelmarin Izham berkata, Selangor membelanjakan lebih RM25 juta dalam pelaksanaan JER pada 2022 dan 2023 yang mana sehingga kini program berkenaan dilaksanakan di 2,892 lokasi di seluruh kawasan Dun.

Dalam pada itu, mengulas mengenai program tanaman jagung bijian untuk penghasilan makanan ayam di Kuala Langat, Izham berkata, projek di bawah PKPS sudah bermula di sekitar 30 ekar tanah daripada keseluruhan 300 ekar.